

# Kekuatan wanita elak jadi mangsa penipuan

BERITA mengenai kes wanita rakyat Malaysia yang menjadi mangsa diperalatkan oleh sindiket pengedaran dadah antarabangsa semakin meningkat amat menyedihkan. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk menghalang perkara ini daripada berulang, namun kes melibatkan wanita Malaysia terutamanya wanita Melayu yang berumur antara 20-an dan 30-an diperalatkan sindiket dadah terus berulang.

Dalam konteks ini, kaum wanita atau gadis perlu berhati-hati dalam langkah kehidupan mereka supaya tidak mudah terperangkap dengan sebarang usaha untuk memerangkap mereka dalam pengedaran dadah. Ini kerana hukuman yang amat berat sedia menanti atas kesalahannya menyeludup masuk dadah.

Dilaporkan seorang wanita rakyat Malaysia telah dijatuhi hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi Undang-Undang Jenayah Guangzhou republik itu pada 15 Mei lalu atas kesalahan menyeludup masuk heroin seberat 2,983 gram.

Pihak berkuasa mengesan kewujudan

trend merekrut gadis institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai penyeludup barang terlarang, sama ada dari Malaysia ke negara luar atau sebaliknya. Keadaan ini menyedihkan kerana kesan negatifnya ialah ia boleh menjejaskan dan mencemarkan nama baik negara.

Di samping itu, hukuman berat yang menanti mangsa termasuk hukuman mati tentunya sekali akan memberi kesan mental dan psikologi yang amat mendalam kepada keluarga si mangsa. Masalah kewangan juga sering dialami oleh keluarga mangsa terutama sekali apabila perbicaraan kes mangsa berlaku di luar negara.

Memandangkan sasaran sindiket ialah wanita dan gadis terutama sekali pelajar (IPT), beberapa langkah boleh dilakukan untuk menangani masalah ini

Kesedaran di pihak wanita dan gadis untuk tidak mudah terpengaruh dengan janji-janji manis pihak lain adalah amat penting untuk memastikan mereka tidak melakukan perkara yang menyalahi undang-undang.

Cinta dikatakan antara faktor mengagap gadis diperdayakan dalam kegiatan jenayah ini.

Oleh itu, wanita dan gadis perlu menyedari bahawa tidak satu alasan pun termasuk cinta yang boleh dijadikan alasan untuk terpengaruh dengan pujuk rayu terutama sekali daripada teman lelaki mereka untuk bersetuju melakukan perkara yang menjadi syak wasangka.

Mereka perlu sedar bahawa seringkali jalan mudah untuk memperoleh kemewahan dalam masa yang singkat selalu membawa kepada malapetaka.

Janji-janji manis dan pujukan cinta untuk memberi kemewahan hidup dalam jangka masa yang singkat boleh sahaja membawa malang dalam kehidupan mereka nanti.

Selain daripada itu, pihak berkuasa dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) boleh memberi penerangan kepada wanita dan gadis termasuk bagi memberi kesedaran kepada mereka akan kewujudan trend sindiket merekrut wanita dan gadis sebagai penyeludup barang terla-

rang. Penerangan mengenai kesan daripada melakukan jenayah ini juga boleh memberi kesedaran peringkat awal bahawa hukuman yang menanti adalah amat berat. Wanita perlu berhati-hati dalam kehidupan mereka.

Wanita juga perlu mempunyai kesedaran bahawa mereka tidak boleh diperalatkan untuk melakukan jenayah yang akhirnya akan memberi kesan malang kepada kehidupan mereka nanti.

Begitu juga mereka perlu sentiasa berhati-hati semasa bekerja. Sentiasa berhati-hati dalam aktiviti tugas yang menimbulkan syak wasangka.

Wanita dan gadis juga perlu sedar bahawa mereka mempunyai kekuatan diri untuk tidak mudah terpengaruh dengan pujuk rayu untuk melakukan perkara-perkara terlarang. Wanita perlu mempunyai kekuatan untuk menentukan kesejahteraan hidup mereka.

- DR. SAPORA SIPON  
Universiti Sains Islam Malaysia  
(USIM)